

BAB 1

Pengenalan

Latar Belakang

Pendidikan Bahasa Melayu secara bersepadu di sekolah menengah bukanlah perkara baharu bagi dunia pendidikan. Kurikulum ini mula dilaksanakan pada tahun 1988 di negara ini, dengan terhasilnya Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Kurikulum ini dirangka bagi memenuhi peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu (Nik Safiah Karim, Awang Sariyan, Ahmad Hj. Tahir, & Muhani Hj. Abdul Ghani, 1988). Bagi mencapai matlamat di atas, *Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah* (1988) memberi perhatian utama kepada beberapa aspek, iaitu (1) pelajar bukan sahaja perlu menguasai kecekapan berbahasa dan ketepatan berkomunikasi, bahkan mereka juga perlu memahami sistem Bahasa Malaysia bagi memenuhi fungsi sebagai bahasa perpaduan rakyat, bahasa perhubungan utama, bahasa pencerminan akal budi rakyat dan bahasa ilmu pengetahuan; (2) mementingkan penggabungjalinan kecekapan berbahasa, termasuk aspek-aspek bahasa dan penyerapan ilmu pengetahuan, unsur kewarganegaraan serta nilai murni masyarakat bagi membentuk peribadi yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani; dan (3) memberi pemahaman tentang sistem bahasa serta unsur nilai yang didukungnya, kecekapan berbahasa untuk berkomunikasi dengan berkesan bagi melahirkan fikiran dan perasaan tentang ilmu pengetahuan, hal persendirian dan kemasyarakatan dalam konteks rasmi, tidak rasmi dan kreatif melalui lisan dan penulisan.

Kurikulum Bahasa Melayu Bersepadu Sekolah Menengah memasuki fasa kedua dengan adanya semakan terhadap kurikulum tersebut pada tahun 2002. Kurikulum Bahasa Melayu (Semakan 2002) ini masih mengekalkan matlamat yang sama dengan kurikulum lama, cuma kandungan sukatan kurikulum baharu lebih menyeluruh, iaitu meliputi aspek penggunaan bahasa, kemahiran bahasa, hasil pembelajaran, sistem bahasa, dan pengisian kurikulum. *Kurikulum Lama Bahasa Melayu Sekolah Menengah (KLSM)* pula memfokuskan penguasaan komponen-komponen bahasa seperti komponen kemahiran bahasa, tatabahasa, permainan bahasa, bahasa dalam perhubungan dan komponen tanda baca (Nik Safiah Karim et al, 1988: vii).

Perubahan kandungan kurikulum pendidikan Bahasa Melayu bertujuan membolehkan pelajar menguasai bukan sahaja aspek nahu Bahasa Melayu, tetapi juga aspek kecekapan berbahasa (Awang Sariyan, 2004), selaras dengan saranan *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM*, 2001) yang menyatakan bahawa matlamat kurikulum Bahasa Melayu adalah bagi menyediakan pelajar dengan keupayaan linguistik dan keupayaan berkomunikasi. Justeru, satu kajian yang berkaitan dengan pelaksanaan kurikulum bersepadu Bahasa Melayu di sekolah perlu dijalankan. Oleh itu, kajian ini akan cuba membangunkan sebuah modul pengajaran Bahasa Melayu Tingkatan Empat secara bersepadu bagi memenuhi keperluan tersebut.

Kurikulum Pendidikan Bahasa Melayu KBSM

Falsafah Pendidikan Bahasa Melayu

Awang Sariyan (2004) menjelaskan bahawa falsafah pendidikan bersepadu Bahasa Melayu ialah terjemahan daripada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menjadi induk kepada Falsafah Pendidikan Bahasa (FPB). Menurut beliau, FPB yang menunjangi pendidikan bahasa ialah:

- (1) Pendidikan bahasa sebagai upaya mengembangkan potensi berbahasa yang dikurniakan Tuhan.
- (2) Pendidikan bahasa sebagai upaya meneliti sistem alam ciptaan Tuhan.
- (3) Pendidikan bahasa sebagai satu cabang pendidikan umum, iaitu sebagai subjek atau sebagai sarana pemerolehan ilmu lain.
- (4) Pendidikan bahasa sebagai wahana pewarisan nilai-nilai kehidupan bermasyarakat.

Berdasarkan pernyataan di atas, jelas bahawa FPB memberi penekanan kepada aspek kemahiran berbahasa, sistem bahasa, sarana ilmu dan juga sebagai sarana nilai dan budaya. Justeru, kajian ini akan cuba mengamalkan falsafah ini secara empirikal dan objektif dalam pendidikan Bahasa Melayu dalam konteks di bilik darjah.

Matlamat dan Objektif Pendidikan Bahasa Melayu Sekolah Menengah

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM Edisi Semakan (2002) mengagaskan bahawa matlamat kurikulum bersepadu Bahasa Melayu sekolah menengah adalah untuk melengkapkan pelajar dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri dalam bidang pendidikan, pekerjaan, dan urusan harian.

Tujuan kurikulum bersepadu ini juga adalah untuk memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani, dan jasmani. Kurikulum ini juga dijana bagi membolehkan pelajar menguasai kecekapan berbahasa dan berkomunikasi dengan menggunakan peraturan tatabahasa yang betul dan tepat. Melalui kurikulum ini juga diharapkan pelajar mampu mengungkapkan segala bidang ilmu daripada pelbagai disiplin atau mata pelajaran di samping mengembangkan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis. Bagi

mencapai matlamat dan tujuan tersebut pelajar harus boleh menguasai objektif yang ditetapkan, iaitu:

- (1) melibatkan diri dalam interaksi sosial melalui perbualan, perbincangan, dan penulisan untuk menjalin seta mengeratkan hubungan, dan mengurus untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan;
- (2) mendapatkan dan memproses maklumat secara kritis daripada pelbagai sumber yang didengar, dibaca dan ditonton untuk memperoleh ilmu dan maklumat;
- (3) menggunakan maklumat yang diperolehi untuk tujuan menyelesaikan masalah dan membuat keputusan, serta menyebarkan maklumat dalam bentuk lisan dan tulisan;
- (4) mendengar, membaca, menonton, dan memberi respons kepada pelbagai bahan sastera dan bukan sastera;
- (5) melahirkan idea dan pendapat dalam bentuk lisan dan penulisan secara kreatif dan berkesan; dan
- (6) menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif, semangat patriotik, dan perasaan cinta akan negara.

Kesimpulannya, objektif pendidikan bersepadu Bahasa Melayu ialah membantu pelajar menguasai aspek kecekapan berbahasa dalam konteks bahasa dan budaya yang persis dan tepat.

Kandungan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah

Kurikulum pendidikan Bahasa Melayu digubal bersesuaian dengan fungsi bahasa Melayu yang digunakan dalam kehidupan harian seperti berinteraksi dengan orang lain, mengakses maklumat, dan untuk memahami bahan bacaan. Sebagaimana

yang dinyatakan dalam bahagian pertama, penggunaan bahasa ini dinyatakan dalam bentuk Hasil Pembelajaran (HP) dan berteraskan kemahiran bahasa, iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca, dan kemahiran menulis. Kemahiran bahasa ini pula digabungkan dengan peraturan sistem bahasa, dan disokong oleh elemen pengisian kurikulum, seperti ilmu pengetahuan, nilai, sosiobudaya, semangat kewarganegaraan, patriotisme, dan kemahiran bernilai tambah. Penyataan HP adalah dalam bentuk fungsian yang mencerminkan amalan harian kehidupan sebenar masyarakat Malaysia. Penjelasan di atas menunjukkan bahawa kandungan pelajaran Bahasa Melayu meliputi penggunaan bahasa, kemahiran bahasa, hasil pembelajaran, sistem bahasa, dan pengisian kurikulum

Aspek penggunaan bahasa.

Aspek penggunaan bahasa merangkumi tiga bidang utama, iaitu bidang interpersonal, bidang maklumat, dan bidang estetik. Bagi setiap bidang terdapat hasil pembelajaran utama (HPU) dan hasil pembelajaran khusus (HPK) yang perlu dikuasai. Bidang interpersonal merujuk kepada kebolehan pelajar memulakan, membina, dan mengekalkan persahabatan serta perhubungan dengan orang lain (*Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM Semakan, 2002: 4*). Bidang maklumat pula merujuk kepada keupayaan pelajar memperoleh dan menyampaikan maklumat serta ilmu, manakala bidang estetik merujuk kepada keupayaan pelajar menikmati karya sastera, melahirkan idea serta perasaan secara kreatif.

Kemahiran bahasa.

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM (2002) juga menjelaskan dengan terperinci bahawa aspek kemahiran bahasa merangkumi kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Kemahiran ini merupakan teras kepada penggunaan bahasa

baku. Kemahiran mendengar merujuk kepada keupayaan pelajar mendengar dengan teliti dan memahami perkara yang didengar dalam pelbagai situasi pengucapan. Kemahiran bertutur pula merujuk kepada keupayaan pelajar menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan, serta idea yang kritis, dan kreatif secara lisan dengan sebutan dan intonasi yang betul secara sopan di samping menggunakan tatabahasa yang betul. Kemahiran membaca merujuk kepada keupayaan pelajar membaca dengan sebutan, intonasi, jeda, dan kelancaran yang betul, dan penekanan diberi kepada aspek pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan secara kritis dengan menggunakan teknik membaca. Kemahiran bahasa yang keempat, iaitu kemahiran menulis yang merujuk kepada keupayaan pelajar mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang dilalui dengan menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas dan kemas. Pelajar juga digalakkan menggunakan kreativiti mereka dalam menghasilkan penulisan yang baik.

Hasil pembelajaran.

Hasil pembelajaran (HP) pula merupakan pernyataan yang ditafsirkan daripada objektif kurikulum bahasa. Pernyataan HP memberi petunjuk yang jelas tentang apa yang boleh dicapai oleh pelajar (*Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM Semakan*, 2002). Hasil Pembelajaran diperincikan mengikut tahap kesukaran isi pelajaran dan tahap pembelajaran dan prestasi pelajar (Zaharah Aziz, 2004). Perincian ini terkandung dalam huraian hasil pembelajaran (HHP) yang disebut sebagai pernyataan aras pembelajaran, iaitu aras asas (Aras 1), aras sederhana (Aras 2), dan aras cemerlang (Aras 3).

Hasil pembelajaran memerlukan pendekatan yang berfokuskan gaya pembelajaran pelajar. Hasil pembelajaran dapat membantu guru memilih kandungan, kaedah, sumber, dan prosedur pengajaran yang relevan dan berkesan. Hasil

pembelajaran juga dapat membantu guru membuat pengukuran dan penilaian pencapaian pelajar.

Sistem bahasa.

Sistem bahasa pula terdiri daripada tatabahasa, kosa kata, peribahasa, ejaan, dan sebutan dan intonasi. Pelaksanaan sistem bahasa secara terancang membolehkan pelajar menggunakan dan mengamalkan bahasa Melayu secara berkesan.

Pengisian kurikulum.

Aspek yang terakhir yang turut dimasukkan dalam kurikulum ini ialah aspek pengisian kurikulum. Aspek ini dimasukkan bagi memastikan pendidikan Bahasa Melayu berkembang sejajar dengan tuntutan semasa. Aspek pengisian kurikulum meliputi ilmu pengetahuan, peraturan sosiobudaya, dan kemahiran bernilai tambah, iaitu kemahiran berfikir, kemahiran belajar cara belajar, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kajian masa depan, dan pelbagai kecerdasan. Maka, kajian ini cuba mengaplikasikan semua kandungan pendidikan bersepadu Bahasa Melayu secara fungsional dan kontekstual sesuai dengan matlamat pendidikan bahasa itu sendiri.

Strategi Pengajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM Semakan (2002) menggariskan beberapa strategi pengajaran dan pembelajaran yang perlu diamal dan dilaksanakan.

Strategi tersebut ialah:

- (1) Mengaplikasikan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar bagi memberi peluang kepada pelajar untuk berinteraksi dan menguasai kemahiran bahasa sejajar dengan kemampuan mereka sendiri;

- (2) Mengaplikasikan pendekatan mastery bagi memastikan pelajar menguasai isi pelajaran dan kemahiran bahasa mengikut tahap kebolehan pelajar itu sendiri;
- (3) Menggunakan pelbagai pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang sesuai;
- (4) Menggunakan pelbagai sumber dan bahan pengajaran dan pembelajaran;
- (5) Menggunakan tatabahasa yang tepat dalam setiap aspek pengajaran bahasa;
- (6) Menggunakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran bertema, yang meliputi semua bidang ilmu, hal persendirian dan kemasyarakatan serta isu semasa supaya hasil pembelajaran, kemahiran bahasa, pembelajaran tatabahasa dan pengembangan kosa kata bersepadu sifatnya;
- (7) Menggunakan bahan ilmiah dan sastera sebagai bacaan luas digalakkan untuk meningkatkan daya berfikir dan minat ingin terus membaca;
- (8) Menggabung jalin antara satu kemahiran bahasa dengan kemahiran bahasa yang lain, kemahiran bahasa dengan sistem bahasa, dan kemahiran dengan peribahasa;
- (9) Menyerapkan pelbagai bidang ilmu, nilai murni, kewarganegaraan, peraturan sosiobudaya dan kemahiran bernilai tambah;
- (10) Melaksanakan konsep pemulihan dalam setiap sesi pengajaran untuk membantu pelajar menguasai hasil pembelajaran yang belum dicapai mengikut kadar kemampuan mereka;
- (11) Menjalankan penilaian formatif dan sumatif yang berterusan di bilik darjah untuk menentukan pencapaian pelajar dan juga bagi menentukan jenis

tindakan susulan yang dijalankan, sama ada aktiviti pengayaan atau pemulihan;

- (12) Melaksanakan aktiviti pengayaan bagi membolehkan pelajar yang menguasai hasil pembelajaran lebih awal daripada jangka masa yang ditetapkan melalui aktiviti atau tugas yang lebih mencabar.

Kesimpulannya, *Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu* mencadangkan pelbagai strategi bagi memastikan pengajaran dan suasana pembelajaran BM di bilik darjah menjadi lebih berkesan dan menarik. Justeru, kajian ini cuba membangunkan sebuah modul yang mengambil kira kepelbagaian strategi bagi memastikan proses pengajaran berjalan dengan berkesan.

Implikasi Teori Pengajaran dan Pembelajaran Terhadap Pengajaran Bahasa Melayu

Teori Pembelajaran dan Pemerolehan Bahasa

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM (2001) tidak menjelaskan secara terperinci tentang pendekatan yang harus digunakan bagi mengajarkan Bahasa Melayu. *Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM (Edisi Semakan, 2002)* juga tidak menyentuh secara langsung pendekatan pengajaran yang boleh diamalkan dalam pengajaran Bahasa Melayu. Namun, *Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Empat* ada mencadangkan beberapa strategi pengajaran dan konsep pendidikan yang boleh dilaksanakan di bilik darjah, antaranya ialah penggunaan pelbagai kaedah dan teknik, pendekatan bertema, pendekatan konteks, bacaan luas, pendidikan merentas kurikulum, penggabungjalinan dan penyerapan serta pendekatan yang sesuai dengan kebolehan pelajar.

Ini bermakna, guru Bahasa Melayu diberi kebebasan penuh untuk memilih dan menggunakan pendekatan yang sesuai untuk mengajar Bahasa Melayu di bilik darjah, asalkan pendekatan tersebut memenuhi keperluan objektif dan matlamat pendidikan Bahasa Melayu. Bertitik tolak daripada situasi ini, para guru mencuba pelbagai pendekatan pengajaran bahasa dalam usaha membantu pelajar menguasai pengetahuan dan kemahiran bahasa.

Amalan pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah banyak dipengaruhi oleh teori pembelajaran (Awang Sariyan, 2004; Yahya Othman, 2005). Menurut Brown (2000), pendekatan pengajaran bahasa berkait rapat dengan tiga teori pembelajaran yang utama, iaitu behaviorisme, kognitif, dan konstruktivisme. Pendekatan tradisional dan struktural lahir dari teori pembentukan kebiasaan yang dibawa oleh golongan behavioris. Pendekatan kod-kognitif pula diasaskan berdasarkan andaian yang diketengahkan oleh golongan rasionalis, manakala pendekatan interaktif dibawa oleh golongan konstruktivisme. Pendekatan komunikatif pula diketengahkan oleh golongan fungsionalis melalui teori pembelajaran fungsian.

Pendekatan tradisional dan struktural yang dipelopori oleh Bloomfield, Edward Sapir, dan sebagainya pada sekitar 1940an hingga 1950an menitikberatkan penguasaan pengetahuan atau nahu bahasa serta memberi penekanan kepada aspek latih tubi bagi mengukuhkan kemahiran bahasa (Yahya Othman, 2005). Menurut Awang Sariyan (2004), pendekatan ini berpegang kepada lima prinsip utama, iaitu (1) bahasa itu ialah pertuturan, dan bukannya tulisan, (2) bahasa merupakan suatu himpunan kebiasaan, (3) ajarkanlah bahasa, bukan tentang bahasa, (4) bahasa ialah apa-apa yang dituturkan oleh penutur jatinya, bukan apa-apa yang sepatutnya dituturkan, dan (5) bahasa berbeza-beza. Berdasarkan prinsip di atas, jelas bahawa pendekatan ini mementingkan aspek pertuturan sahaja kerana menurut mereka peniruan penting bagi membentuk kebiasaan berbahasa, khususnya melalui deria pendengaran. Selain itu, pendekatan struktural juga

memberi penekanan kepada (1) pengajaran kosa kata secara terpisah daripada konteks, dan (2) huraian yang panjang lebar terhadap nahu dan bentuknya sahaja (Brown, 2001).

Hal ini menunjukkan bahawa pendekatan struktural masih boleh digunakan khususnya bagi menjelaskan masalah nahu atau rumus tatabahasa dan bagi mengatasi masalah sebutan dalam kalangan pelajar. Akan tetapi, pendekatan ini tidak berupaya melahirkan insan yang menyeluruh dan juga tidak memenuhi keperluan afektif dan kognitif pelajar sebagaimana tuntutan falsafah dan matlamat pendidikan bahasa.

Dalam tahun 1960an, pendekatan kod-kognitif yang diasaskan daripada teori pemerolehan bahasa generatif transformasi Chomsky pula muncul dengan andaian yang bertentangan dengan pendekatan struktural (Brown, 2000). Pendekatan ini percaya dengan anggapan bahawa setiap manusia yang normal memiliki alat pemerolehan bahasa (APB) yang ternurani, yang membolehkan manusia memperoleh bahasa secara semula jadi dan bukannya melalui peniruan (Brown, 2000; Awang Sariyan, 2004). Pendekatan ini juga memberi penekanan kepada penguasaan rumus bahasa atau keupayaan linguistik. Oleh sebab itu, pendekatan ini menganjurkan pengajaran bahasa secara formal dan deduktif (Awang Sariyan, 2005).

Teori pemerolehan bahasa fungsional yang memberi penekanan kepada aspek fungsi bahasa pula melahirkan pendekatan komunikatif (Awang Sariyan, 2004). Brown (2000) menjelaskan bahawa pendekatan ini memberi penekanan kepada aspek makna dalam konteks fungsi bahasa yang melibatkan interaksi sosial antara penuturnya. Dell Hymes (disebut dalam Awang Sariyan, 2004) dan Richards (2001) menjelaskan bahawa pengajaran bahasa hendaklah memberi penekanan kepada keupayaan komunikatif. Dalam hal ini, bagi mengajar bahasa, fungsi bahasa dalam konteks dan situasi penggunaan yang sebenar hendaklah diberi keutamaan (Halliday, 1973; Littlewood, 1992).

Bagi menjadikan amalan pengajaran bahasa lebih bermakna, Brown (2001) mencirikan pengajaran bahasa kepada enam ciri utama, iaitu (1) matlamat utama pengajaran bahasa ialah penguasaan semua kecekapan komunikasi, (2) teknik pengajaran bahasa direka bentuk bagi membolehkan pelajar belajar bahasa secara autentik dan menggunakannya berdasarkan fungsi yang bermakna, (3) kelancaran dan ketepatan berbahasa saling melengkapi, namun kelancaran lebih dipentingkan daripada ketetapan berbahasa, (4) tugas yang diberikan kepada pelajar hendaklah memberi peluang kepada mereka untuk menggunakan bahasa secara produktif dan bebas, (5) pelajar diberi kebebasan untuk belajar bahasa mengikut gaya dan kemampuannya sendiri, dan (6) guru berperanan sebagai fasilitator sahaja.

Berdasarkan penekanan yang diberikan dalam pendekatan komunikatif, jelas bahawa pendekatan ini hanya memberi penekanan kepada keupayaan komunikatif dan tidak mengambil kira keupayaan linguistik (Awang Sariyan, 2004) dan mengabaikan tatabahasa (Brown, 2001).

Selain pendekatan di atas, pendekatan pengajaran bahasa juga diadaptasi daripada andaian yang dilahirkan oleh golongan konstruktivis. Brown (2000) menjelaskan bahawa pendekatan pengajaran bahasa juga dipengaruhi oleh teori perkembangan kognitif dan bahasa Jean Piaget dan teori hubungan interaksi dan perkembangan bahasa Lev Vygotsky. Berdasarkan teori perkembangan kognitif, pengajaran bahasa hendaklah mengambil kira perkembangan kognitif pelajar kerana proses mentafsir makna, peristiwa dan tindakan dalam kalangan pelajar melibatkan tahap yang berlainan. Sementara itu, teori perkembangan bahasa Lev Vygotsky atau teori sosiokonstruktivisme berandaian bahawa proses belajar lebih bermakna dan berkesan jika wujudnya hubungan sosial antara kanak-kanak dengan persekitarannya (Juriah Long, 1998; Brown, 2000; Yahya Othman, Roselan Baki & Naffi Mat, 2009).

Gallaghan (1999, dipetik dalam Awang Salleh, Awang Wahap, & Zamri Mahamod, 2006) menyatakan bahawa pendekatan ini berpegang kepada empat prinsip utama, iaitu (1) kanak-kanak membina pengetahuan dari konteks sosial ke konteks individu, (2) perkembangan tidak dapat dipisahkan daripada konteks sosial, (3) Zon Perkembangan Terhampir (*Zon of Proximal Development*), dan (4) bahasa memainkan peranan penting dalam perkembangan kanak-kanak. Kajian Juriah Long (1998) menunjukkan bahawa kanak-kanak menguasai bahasa apabila berlakunya interaksi dengan ibu bapa dan penjaganya.

Berdasarkan perbincangan di atas, jelas bahawa setiap aliran atau pendekatan pengajaran bahasa memberi penekanan yang berlainan. Pendekatan struktural memberi penekanan kepada kemahiran lisan dan struktur bahasa, pendekatan kod-kognitif pula memberi penekanan kepada pengetahuan tentang rumus bahasa dan penguasaan keupayaan linguistik. Fokus yang diberikan oleh pendekatan kod-kognitif terhadap pengajaran bahasa disanggah oleh pendekatan komunikatif yang memberi penekanan kepada penguasaan keupayaan komunikatif semata-mata. Sementara itu, pendekatan pengajaran bahasa yang dilahirkan daripada teori perkembangan bahasa melihat bahawa pengajaran bahasa hendaklah mengambil kira perkembangan umur kanak-kanak dan interaksinya dengan alam persekitarannya.

Teori Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu

Aliran pendekatan pengajaran bahasa yang terkini ialah pendekatan bersepadu. Widdowson (1978) menyatakan bahawa penyepaduan pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa penting dalam proses pengajaran bahasa kerana dapat membantu proses komunikasi dalam kalangan pelajar. Amalan ini amat bertentangan dengan amalan pengajaran bahasa tradisional yang memisah-misahkan antara unsur bahasa dengan kecekapan berbahasa (Juriah Long & Siti Fatimah Mohd Yassin, 2006).

Kementerian Pelajaran Malaysia melalui *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu* (2002) mengutarakan konsep penggabungjalinan dan penyerapan sebagai pendekatan bersepadu. Zaharah Aziz (2004) dan Juriah Long dan Siti Fatimah Mohd Yassin (2006) menjelaskan bahawa konsep penggabungjalinan yang dinyatakan dalam *Sukatan Pelajaran BM* melibatkan proses yang berikut, iaitu (1) penggabungjalinan kemahiran bahasa dengan kemahiran bahasa yang lain, (2) penggabungjalinan aspek penggunaan bahasa dengan aspek penggunaan bahasa yang lain, (3) penggabungjalinan kemahiran bahasa dengan sistem bahasa, dan (4) penggabungjalinan kemahiran bahasa dengan peribahasa, manakala konsep penyerapan merupakan proses menerapkan unsur-unsur lain ke dalam pengajaran Bahasa Melayu. Unsur-unsur tersebut ialah (1) ilmu pengetahuan, (2) nilai murni, (3) kewarganegaraan, (4) semangat patriotisme, dan (5) peraturan sosiobudaya, dan (6) kemahiran bernilai tambah.

Walaupun pendekatan yang dicadang oleh *Sukatan Pelajaran BM* agak jelas, tetapi cadangan ini masih dalam bentuk cadangan kurikulum, dan bukannya dalam bentuk amali atau pendekatan yang diuji keberkesanannya. Oleh itu, beberapa konsep pendekatan bersepadu yang diketengahkan oleh tokoh pendidikan bahasa perlu dilihat dan diteliti.

Salah satu pendekatan pengajaran bahasa yang bercirikan pendekatan bersepadu ialah pendekatan pengajaran bahasa menyeluruh (*whole language approach*). Pendekatan ini diadaptasi daripada pendekatan yang diperkenalkan oleh Rigg (1991) dan Rigg dan Kazemek (1993). Pendekatan ini merupakan pendekatan alternatif kepada pendekatan lain. Menurut Brown (2001: 48), pendekatan ini mengutamakan “pengajaran kemahiran bahasa secara integrasi dan natural serta menekankan pembelajaran kooperatif, berpusatkan pelajar, penggunaan bahasa yang autentik, mementingkan makna, penilaian yang holistik dan integrasi empat kemahiran bahasa secara semula jadi (*four skills*)”.

Integrasi antara kemahiran bahasa yang utama ini pula dilakukan secara semula jadi (natural) (Edelsky, 1993; Richards, 2001). Walau pun pendekatan ini dapat meningkatkan proses pembelajaran, tetapi mengabaikan kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pelajar (Hakuta & McLaughlin, 1996; Shang, 2000). Hal ini menyebabkan pendekatan ini tidak boleh dilaksanakan secara total dalam konteks negara kita kerana matlamat pendidikan Bahasa Melayu bukan sahaja melahirkan pelajar yang boleh berkomunikasi dengan baik, tetapi juga boleh menggunakan bahasa dalam konteks budaya yang tepat dan menyanjung tinggi aspek ketepatan berbahasa.

Awang Sariyan (1998, 2003; 2004: 31; 2009) turut menjelaskan konsep pendekatan bersepadu dalam pengajaran bahasa yang melibatkan penyepaduan antara kecekapan linguistik dan kecekapan komunikatif. Menurut beliau (2009), pendekatan bersepadu yang bersandarkan pendekatan pengajaran bahasa secara menyeluruh (*whole language*) (PBM) hendaklah memberi penekanan kepada proses melengkapkan diri pelajar dengan pengetahuan bahasa (*equipping*) bagi membolehkan mereka memanfaatkan kemahiran bahasa untuk keperluan hidup (*enabling*). Untuk merealisasikan pendekatan ini, Awang Sariyan (2005) mencadangkan bahawa pendekatan eklektik yang menggabungkan (1) pelbagai kaedah dan teknik, (2) sistem bahasa dan kemahiran bahasa, dan (3) isi dengan konteks bahasa.

Pendekatan bersepadu yang diketengahkan oleh Mahzan Arshad (2003) lebih praktikal sifatnya. Beliau mencadangkan bahawa pendekatan bersepadu Bahasa Melayu hendaklah melibatkan (1) integrasi antara kemahiran bahasa, (2) integrasi bahan bacaan dan perbincangan yang autentik (bahan bercetak yang sebenar), (3) penulisan yang berbagai-bagai wacana atau perspektif berdasarkan topik yang sama, dan (4) integrasi kemahiran berfikir dalam pengajaran kemahiran bahasa. Mahzan Arshad (2003, 2008) mencadangkan bahawa penyepaduan keempat kemahiran bahasa dan kemahiran berfikir hendaklah dilakukan serentak dan tidak terpisah-pisah sebagaimana cadangan yang

dianjurkan oleh PBM. Menurut Zabidah Mohamed (2006), penyepaduan kemahiran berfikir penting kerana dapat meningkatkan tahap penulisan karangan pelajar, berbanding dengan pendekatan tradisional.

Berdasarkan konsep pendekatan bersepadu yang diketengahkan oleh Rigg (1991) dan Rigg dan Kazemek (1993), Awang Sariyan (1998, 2003, 2004, 2005, 2009), Mahzan Arshad (2003, 2008), dan Zaharah Aziz (2004), jelas bahawa ada usaha untuk merealisasikan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam konteks pengajaran di bilik darjah khususnya bagi memenuhi keperluan intelek. Namun, pendekatan yang lebih fleksibel perlu dicari bagi memenuhi keperluan emosi dan rohani pelajar.

Penyataan Masalah

Dalam memperkatakan pendekatan pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah, Awang Sariyan (2005, 2009) menjelaskan bahawa pengajaran bahasa hendaklah memberi penekanan yang seimbang terhadap penguasaan pengetahuan dan kecekapan bahasa dalam kalangan pelajar. Namun, hakikatnya situasi ini tidak berlaku di bilik darjah kerana proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di bilik darjah terlalu memberi fokus kepada aspek pengetahuan bahasa. Kajian Zulkifley Hamid (2005) menunjukkan bahawa terdapat ketidakseimbangan antara pencapaian pelajar dalam aspek pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa. Kajiannya mendapati pencapaian pelajar dalam bidang pengetahuan bahasa (nahu) lebih tinggi berbanding dengan pencapaian kecekapan berbahasa. Menurut Awang Sariyan (2005), kedua-dua kemahiran tersebut, iaitu pengetahuan dan kemahiran berbahasa perlu dikuasai kerana kedua-duanya saling melengkapi dan sejajar dengan sifat bahasa itu sendiri.

Pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah juga terlalu memberi fokus kepada aspek kognitif atau intelek dan terlalu memberi penekanan kepada peperiksaan semata-

mata (Juriah Long, 2008). Menurut Juriah Long (2008), penekanan yang berlebihan terhadap aspek intelek, khusus untuk tujuan peperiksaan menyebabkan perkembangan bahasa pelajar tidak berlaku secara seimbang. Hal ini demikian kerana bagi membentuk insan yang menyeluruh dan kamil, semua aspek potensi diri seperti jasmani, emosi, rohani dan intelek hendaklah dipenuhi (R. Miller, 1991; Syed Ali Ashraf, 1994; Hassan Langgulung, 1997; Al-Attas, 2005). Oleh yang demikian, satu kajian terhadap pendekatan pengajaran secara bersepadu perlu dijalankan bagi menangani masalah ini.

Di samping itu, proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di bilik darjah terlalu memberi penekanan kepada penguasaan satu-satu kemahiran bahasa sahaja (Awang Sariyan, 2005). Kesannya, pelajar tidak berpeluang mengembangkan potensi berbahasa mereka dalam konteks dan fungsi penggunaan bahasa yang betul dan tepat. Hal ini demikian kerana menurut Goodman (2005), pendekatan bahasa menyeluruh dapat membantu proses perkembangan berbahasa pelajar kerana menurutnya pendekatan ini memberi peluang kepada pelajar untuk belajar bahasa dalam suasana yang *'real'* dan *'dekat'* dengan diri pelajar berbanding dengan bahasa *'surat'* yang diajar di sekolah.

Selain itu, proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu juga terlalu *'keras'*, dan *'tidak menyentuh jiwa pelajar'*. Keadaan ini, menurut R. Miller (1991) boleh melahirkan masyarakat yang *'turmoil'* atau haru-biru. Menurut R. Miller (1991) lagi, pendidikan bukan sahaja proses mencurahkan pengetahuan kepada pelajar tetapi juga proses membentuk jiwa pelajar. Hal ini disokong oleh tokoh pendidik Islam seperti S. H. Nasr (1987, dipetik dlm. Wan Mohd Nor, 2005), dan Hasan Langgulung (2002). Menurut mereka, pendidikan berperanan melatih keseluruhan potensi individu sebagai manusia bagi membentuk keseluruhan peribadi pelajar (tarbiyah) yang murni, selain melatih fikiran mereka. Oleh sebab itu, aspek ini perlu diberi perhatian kerana sejajar dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Sehubungan dengan itu, Mahzan Arshad (2007) dalam kajiannya mendapati para pendidik tidak melaksanakan aspek penyerapan nilai dalam pengajaran bahasa secara terancang, malah kalau ada pun, para guru menyerapkan aspek ini secara spontan dan kebetulan sahaja. Oleh sebab itu, atas keperluan pentingnya aspek nilai diserap dalam proses pengajaran dan pembelajaran, modul pengajaran Bahasa Melayu ini akan menyerapkan aspek ini secara terancang.

Menyentuh aspek pembelajaran bahasa dalam kalangan pelajar pula, kajian mendapati aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa di bilik darjah tidak memenuhi sepenuhnya proses pembelajaran bahasa pelajar. Dalam pengajaran kemahiran menulis misalnya, kebanyakan guru akan memberi fokus kepada proses menghasilkan sebuah karangan berdasarkan bilangan perkataan yang ditetapkan. Kajian Che Zanariah Che Hassan, Fadzilah Abd. Rahman dan Abdul Rashid Jamian (2011), misalnya mendapati aktiviti pengajaran kemahiran menulis di bilik darjah hanya memberi fokus kepada hasil atau produk penulisan dan mengabaikan kemahiran proses mengarang itu sendiri, walaupun guru mengakui kemahiran menulis merupakan aktiviti yang sukar difahami oleh pelajar.

Selain itu, kajian ini wajar dilakukan kerana kajian tentang pendekatan bersepadu dalam pendidikan BM di negara ini kurang dilakukan. Kajian Siti Zabidah Mohamed (2006) dan Chin Hai Leng (2009) hanya memberi penekanan kepada aspek tertentu sahaja dan tidak menjurus kepada pengajaran bahasa secara bersepadu. Kajian Siti Zabidah Mohamed (2006), misalnya memberi tumpuan khusus kepada kesan pendekatan penyebatian dalam pengajaran bahasa menggunakan kaedah eksperimen bagi melihat keberkesanan intervensi yang dibangunkan, manakala kajian Chin Hai Leng (2009) pula melibatkan pembangunan sebuah laman portal pengajaran tatabahasa.

Dalam aspek pendidikan bersepadu pula, kajian dua orang tokoh pendidikan bersepadu di negara ini juga tidak melibatkan pendidikan Bahasa Melayu. Kajian

Habshah Ismail (2000, 2009) terhadap pendidikan holistik di Malaysia hanya berkisar terhadap kerangka konsep pendidikan holistik di negara ini, tanpa melakukan sebarang kajian di lapangan. Begitu juga dengan kajian Tajul Ariffin Noordin, Nor'Aini Dan, dan Nor Sakinah Mohamad (2005). Dalam penulisan mereka, kumpulan penyelidik ini hanya mencadangkan beberapa panduan dalam melaksanakan pendidikan bersepadu di negara ini. Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh Ibrahim Hashim (2006). Beliau hanya meninjau pelaksanaan pendekatan bersepadu dalam pendidikan Islam.

Dari segi kaedah kajian, kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya sangat kurang dilakukan. Kebanyakan kajian pembangunan di negara ini (Zabidah Mohamed, 2006; Fadzilah Amzah, 2007; Chin Hai Leng, 2009), tidak menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya bagi mengumpulkan data. Atas kekurangan ini, pengkaji merasakan bahawa sebuah kajian pembangunan yang menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya bagi mengumpulkan data wajar dilakukan. Merujuk kepada permasalahan di atas, pengkaji merasakan bahawa satu kajian yang menyeluruh untuk menyiasat pelaksanaan pengajaran Bahasa Melayu secara bersepadu di bilik darjah perlu dijalankan dan seterusnya dapatan kajian tersebut boleh dijadikan asas bagi membangun dan menguji kekuatan dan kelemahan modul pengajaran Bahasa Melayu Tingkatan Empat.

Rasional Kajian

Kajian ini dijalankan atas rasional yang berikut, iaitu (1) kekurangan pendekatan terdahulu, dan (2) kelebihan pendekatan bersepadu ini sendiri. Bertitik tolak daripada rasional ini, maka pendekatan bersepadu yang diperluas ini digarap dan diaplikasikan di bilik darjah.

Gagasan pendekatan bersepadu yang diketengahkan oleh Awang Sariyan (2003, 2005, 2009) merupakan satu pendekatan yang ideal. Namun, pendekatan ini belum diuji

keberkesannya dalam konteks yang sebenar, iaitu di bilik darjah. Selain itu, penekanan terhadap keseimbangan antara kecekapan linguistik dan kecekapan komunikasi sahaja tidak berupaya memupuk potensi diri pelajar secara menyeluruh, sebagaimana yang disarankan falsafah pendidikan kebangsaan.

Selain itu, pendekatan ini juga memberi penekanan kepada lapan strategi pengajaran yang menyeluruh. Kelapan-lapan strategi ini diketengahkan bagi mencapai matlamat pendidikan bahasa itu sendiri, iaitu (1) keseimbangan antara kemahiran dan pengetahuan bahasa, (2) kesinambungan antara satu pelajaran atau kemahiran dengan pelajaran atau kemahiran yang lain, (3) memupuk potensi diri pelajar, dan (4) melaksanakan pengajaran bahasa dalam konteks yang betul, natural dan fungsi bahasa yang tepat.

Pendekatan ini juga memberi penekanan terhadap penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dan penilaian yang autentik. Ini bermakna, semua BBM dan aktiviti pengajaran yang dirancang dan dijalankan melibatkan bahan yang terkini dan bersumberkan bahan sebenar. Begitu juga dengan penilaian yang dilakukan dalam modul ini. Semua penilaian dilakukan berdasarkan konteks penggunaan bahasa yang sebenar.

Kajian ini juga wajar dilaksanakan kerana pendekatan yang diaplikasikan dalam kajian ini telah diuji kebolehlaksanaan dan kebolegunaannya di bilik darjah, berbanding dengan pendekatan lain yang hanya bersifat andaian. Percubaan dan ujian pelaksanaannya melibatkan pelbagai pihak yang berkepentingan dan mengambil masa yang panjang.

Di samping itu, bahan bantu mengajar dan aktiviti pengajaran yang digunakan dalam modul ini dibina berdasarkan cadangan yang diberi oleh guru dan pelajar itu sendiri semasa kajian analisis keperluan dijalankan. Ini menunjukkan bahawa pandangan dan cadangan guru dan pelajar diberi perhatian dan turut dipertimbangkan semasa pendekatan dan modul ini dilaksanakan.

Kesimpulannya, pendekatan bersepadu yang ditekankan dalam modul pengajaran Bahasa Melayu Tingkatan Empat ini merupakan satu pembaharuan dan pengemaskinian kepada pendekatan yang terdahulu. Pengemaskinian ini diharap dapat menambah baik kualiti pengajaran Bahasa Melayu itu sendiri.

Objektif Kajian

Kajian reka bentuk dan pengembangan ini dijalankan dengan tiga tujuan utama iaitu (1) menjalankan kajian analisis keperluan, (2) mereka bentuk dan membangunkan modul pengajaran Bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah secara bersepadu, dan (3) menilai modul yang dibangunkan ini. Proses penilaian modul melibatkan proses yang berterusan dan melibatkan pelbagai pihak yang berkepentingan (*stakeholder*). Secara khususnya, objektif kajian ini ialah:

Fasa Analisis Keperluan

- (1) Menyiasat pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu secara bersepadu di bilik darjah Tingkatan Empat.
- (2) Mendapat pandangan dan cadangan guru dan pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah.

Fasa Reka bentuk dan Pembangunan

- (3) Mendapatkan penilaian pakar terhadap kesahan modul pengajaran Bahasa Melayu yang dibangunkan.
- (4) Mendapatkan penilaian guru dan pelajar terhadap kekuatan dan kelemahan modul pengajaran Bahasa Melayu Tingkatan Empat dari aspek kebolehlaksanaan.

Fasa Pelaksanaan dan Penilaian

- (5) Mendapatkan penilaian guru dan pelajar terhadap kebolegunaan modul pengajaran Bahasa Melayu Tingkatan Empat di bilik darjah.

Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian di atas, kajian ini cuba menjawab soalan-soalan yang dinyatakan di bawah:

Fasa Analisis Keperluan

- 1) Bagaimanakah amalan pengajaran guru Bahasa Melayu di bilik darjah Tingkatan Empat?
- 2a) Apakah pandangan guru dan pelajar terhadap strategi pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah?
- 2b) Apakah pandangan dan cadangan guru dan pelajar terhadap strategi pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah?

Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan

- 3) Apakah penilaian pakar terhadap kesahan modul pengajaran Bahasa Melayu secara bersepadu?
- 4a) Apakah pandangan pelajar dan guru terhadap kejelasan modul pengajaran Bahasa Melayu secara bersepadu pada peringkat penilaian satu dengan satu?
- 4b) Apakah pandangan pelajar dan guru terhadap impak modul pengajaran Bahasa Melayu secara bersepadu pada peringkat penilaian satu dengan satu?

- 4c) Apakah pandangan pelajar dan guru terhadap kebolehlaksanaan modul pengajaran Bahasa Melayu secara bersepadu pada peringkat penilaian satu dengan satu?

Fasa Pelaksanaan dan Penilaian

- 5) Apakah pandangan pelajar dan guru terhadap kekuatan dan kelemahan modul pengajaran Bahasa Melayu secara bersepadu pada peringkat penilaian kumpulan kecil?
- 6) Apakah pandangan pelajar dan guru terhadap kebolegunaan modul pengajaran Bahasa Melayu secara bersepadu pada peringkat penilaian lapangan?

Kerangka Teoritikal Kajian

Kerangka teoritikal kajian ini didasarkan daripada empat teori utama, iaitu teori pengajaran bahasa secara menyeluruh atau '*whole language*', gagasan pendekatan pengajaran Bahasa Melayu secara bersepadu, pendekatan integrasi, dan prinsip pendidikan holistik. Konsep pendekatan pengajaran bahasa secara menyeluruh (PBM) dan gagasan pendekatan pengajaran Bahasa Melayu secara bersepadu menjadi panduan kepada pemilihan strategi pengajaran yang akan dijalankan dalam modul ini, manakala prinsip pendidikan holistik pula menjadi panduan kepada elemen yang akan diterapkan dalam modul ini dalam usaha memupuk keperluan jasmani, emosi, rohani dan intelek berlaku secara seimbang. Pemupukan ini dilakukan melalui bahan dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Sementara itu, prinsip pendekatan integrasi menjadi panduan kepada cara kandungan ini disusun. Pendekatan bertema dan merentas kurikulum pula dijadikan panduan bagi menyusun kurikulum atau kandungan modul ini.

Berdasarkan keempat-empat pendekatan di atas, disimpulkan bahasa kerangka teoritikal kajian ini meliputi empat lima prinsip utama, iaitu (1) realistik, (2) strategi yang holistik, (3) integrasi, (4) keseimbangan, dan (5) insan yang syumul.

Pendekatan bersepadu ini merupakan pendekatan yang realistik, iaitu memberi memberi penekanan terhadap pelaksanaan pengajaran bahasa dalam konteks yang sebenar di bilik darjah. Selaras dengan prinsip ini, pendekatan ini menekankan bahawa setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran hendaklah berdasarkan konteks yang bersifat semula jadi. Menurut Goodman (2005), prinsip ini dapat membantu proses perkembangan berbahasa pelajar pelajar berpeluang mempelajari bahasa dalam suasana yang 'real' dan 'dekat' dengan diri pelajar.

Sebagaimana yang dinyatakan di atas, strategi pengajaran yang diketengahkan dalam modul ini didasarkan kepada empat pendekatan yang utama, iaitu Gagasan Pendekatan Bersepadu Bahasa Melayu oleh Awang Sariyan(2003, 2005, 2009), Pendekatan Pengajaran Bahasa secara Menyeluruh (*Whole Language Approach*) (Rigg, 1991; Goodman, 2005), Pendekatan Integrasi (Drake, 2007; Fogarty, 1991), dan Pendidikan Holistik (J. P. Miller, 2007; R. Miller, 1991; Tajul Ariffin Noordin, 2000, 2005; Hasan langgulung, 1997, 2002). Daripada garapan terhadap pendekatan-pendekatan ini, lapan strategi pengajaran dan pembelajaran berjaya diketengahkan. Strategi tersebut ialah:

- (1) Pengajaran Bahasa Melayu secara kontekstual dan natural.
- (2) Pengajaran Bahasa Melayu secara bertema.
- (3) Pengajaran Bahasa Melayu secara seimbang antara pengetahuan bahasa dan kecekapan bahasa dan antara hasilan dan proses.
- (4) Pengajaran Bahasa Melayu yang memupuk semua potensi diri.

- (5) Pengajaran Bahasa Melayu yang menyediakan jalinan hubungan antara (i) pelajar dengan diri sendiri, (ii) pelajar dengan rakan sebayanya, dan (iii) pelajar dengan persekitarannya.
- (6) Pengajaran Bahasa Melayu secara tranformatif dan berpusatkan pelajar.
- (7) Penggunaan bahan pembelajaran yang autentik, dan
- (8) Penilaian autentik.

Dalam kajian ini, integrasi bermaksud (1) integrasi kandungan bahasa atau kemahiran bahasa, dan (2) integrasi antara pelajaran atau bidang. Dalam pendekatan ini, prinsip integrasi kemahiran bahasa bermaksud semua proses pengajaran bahasa melibatkan integrasi empat kemahiran bahasa, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis secara konteks dan natural atau semula jadi. Pendekatan ini memberi penekanan terhadap konsep penyepaduan antara keempat-empat kemahiran bahasa dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan menolak konsep fragmentasi dalam setiap aspek pengajaran bahasa (Rigg, 1991). Jelasnya, proses penguasaan kemahiran bahasa diajar secara semula jadi dan bermakna (Shang, 2000). Selain itu, pendekatan ini juga memberi penekanan kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan pelajar, penggunaan bahasa yang autentik, mementingkan makna, dan penilaian yang holistik (Brown, 2000; 2001). Ini bermakna, proses pengajaran dan pembelajaran yang dibangunkan hendaklah dilakukan secara semula jadi dan melibatkan penyepaduan antara semua aspek kemahiran bahasa, serta mengutamakan bahan pembelajaran yang autentik.

Integrasi antara bidang pula bermaksud semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dirancang dalam modul disusun berdasarkan tema tertentu. Menurut Drake (1988, 2007) pendekatan penyebatian dan pendekatan bertema boleh dilaksanakan bagi memastikan prinsip ini dilaksanakan. Menurut Drake (1988) lagi, penyebatian merupakan proses menyisipkan (*inserted*) sesuatu bidang yang sedia ada

dalam bidang yang lain. Dalam modul ini misalnya, pelbagai isu diserapkan dalam setiap unit pelajaran melalui topik pelajaran dan bahan perbincangan.

Integrasi antara bidang juga dilakukan melalui konsep merentas kurikulum. Fogarty (1991, 1993) dan Drake (2007), misalnya mencadangkan bahawa prinsip integrasi ini boleh dilakukan dengan cara merentasi kurikulum. Menurut mereka, prinsip ini dapat menggalakkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang lebih bermakna dan realistik.

Proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu juga hendaklah mengambil kira aspek keseimbangan. Aspek ini melibatkan dua prinsip utama, iaitu keseimbangan kandungan dan pelaksanaan (J. P Miller, 2007). Prinsip yang pertama, iaitu prinsip keseimbangan kandungan melibatkan penekanan yang seimbang antara penguasaan kecekapan linguistik dan kecekapan komunikatif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa di bilik darjah. Menurut Awang Sariyan (1998, 2003; 2004: 31; 2009), pendekatan ini memberi penekanan kepada proses melengkapkan diri pelajar dengan pengetahuan bahasa (*equipping*) bagi membolehkan mereka memanfaatkan kemahiran bahasa untuk keperluan hidup (*enabling*). Untuk merealisasikan pendekatan ini, Awang Sariyan (2005) mencadangkan bahawa pendekatan eklektik yang menggabungkan (1) pelbagai kaedah dan teknik, dan (2) sistem bahasa dengan kemahiran bahasa dan isi serta konteks bahasa.

Prinsip kedua pula ialah keseimbangan pelaksanaan yang bermaksud bahawa proses pengajaran dan pembelajaran hendaklah mengambil kira keseimbangan antara (1) teori dan amalan, (2) aktiviti individu dan berkumpulan, (3) fakta dan imiginasi, (4) proses dan hasilan, dan (5) intuitif (naluri) dan rasional (J. P. Miller, 2007). Ini bermakna, proses pengajaran bahasa hendaklah mengambil kira penyepaduan antara semua aspek yang dinyatakan di atas.


Pendekatan bersepadu juga mengambil kira perkembangan potensi pelajar secara menyeluruh (*human wholeness*). Menurut ahli pendidikan holistik barat seperti J. P. Miller (1988, 2007; 2010), Gang (1993), Forbes (2003), Rudge (2008), dan tokoh pendidikan setempat seperti Syed Ali Ashraf (1994), Hasan Langgulung (2002), dan Tajul Ariffin Noordin (2000; 2005), proses pendidikan bukan sahaja mementingkan penguasaan kognitif atau pengetahuan semata-mata, tetapi turut menanam sifat humanistik dan kerohanian dalam kalangan pelajar. Menurut Rudge (2008), elemen kerohanian terdiri daripada empat prinsip, iaitu kerohanian (*spirituality*), menghargai alam semula jadi/kehidupan (*reverence for life/nature*), saling berkaitan (*interconnectedness*), dan individu yang menyeluruh (*human wholeness*), manakala elemen humanistik pula terdiri daripada prinsip yang berikut, iaitu keunikan individu (*individual uniqueness*), penyayang (*caring relations*), kebebasan/autonomi (*freedom/autonomy*), dan demokrasi.

Dalam konteks tempatan pula, Tajul Ariffin Noordin et al. (2005) menjelaskan bahawa pembentukan insan atau yang menyeluruh hendaklah berlandaskan adab, akhlak dan budi bahasa. Nago tokoh pendidikan Islam pula (Hasan Langgulung, 2002), pembentukan insan yang menyeluruh ini boleh dicapai jika wujudnya perkara yang berikut, iaitu:

- (1) Keterpaduan yang utuh (*syumuliah*) antara semua komponen manusia (badan, jiwa, akal dan roh);
- (2) Perkaitan antara individu dengan masyarakat;
- (3) Perkaitan antara amali dan teori, dan
- (4) Perkaitan antara pelajar dengan masyarakat dan pencipta-Nya.

Selain itu, pengajaran bahasa secara bersepadu turut memberi pertimbangan terhadap konsep perkaitan atau perhubungan (*relationship*). Menurut J. P. Miller (2007), prinsip ini menekankan kepada perkaitan antara (1) pemikiran linear atau logik dan intuisi, (2) minda dan jasad, (3) pelbagai domain pengetahuan (4) individu dan masyarakat, (5) manusia dan alam, dan (6) manusia dan jiwa. Menurut J. P. Miller lagi (2007), pelbagai kaedah boleh digunakan bagi melaksanakan konsep ini. Antaranya ialah kaedah metafor dan visualisasi bagi mengaitkan antara intuitif dan rasional. Pergerakan, tarian dan drama pula boleh digunakan bagi menghubungkan antara minda dan jasad. Pendekatan bertema pula boleh digunakan bagi menghubungkan antara satu kemahiran dengan kemahiran bahasa yang lain, atau antara satu mata pelajaran dengan mata pelajaran yang lain. Sementara itu, teknik suara alam atau pendidikan alam sekitar pula boleh menghubungkan antara pelajar dengan persekitaran dan pencipta-Nya.

Kesimpulannya, kerangka konseptual kajian yang mendasari modul pengajaran BM secara bersepadu ini melibatkan lima prinsip utama. Prinsip-prinsip ini dicapai melalui lapan strategi pengajaran yang holistik. Pencapaian prinsip pengajaran dan pembelajaran ini perlu dicapai bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa dapat membentuk insan yang syumul (*wisdom*). Rajah 1.1 menunjukkan kerangka teori kajian ini.



Rajah 1.1. Kerangka teoritikal kajian.

Kepentingan Kajian

Kajian ini dianggap penting kerana dapatannya diharap dapat memberi maklumat dan panduan tentang senario amalan pengajaran BM di bilik darjah. Maklumat ini boleh digunakan menambah baik mutu pendidikan di sekolah. Dapatan ini juga boleh dijadikan kayu ukur tentang keselarasan pelaksanaan *Sukatan Pelajaran BM Tingkatan Empat* di peringkat akar umbi atau di bilik darjah. Bagi pihak yang berkepentingan, dapatan ini boleh dijadikan panduan dan pedoman tentang situasi

sebenar pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Bahasa Melayu di sekolah-sekolah seluruh negara.

Kajian ini juga diharap dapat mengetengahkan satu pendekatan baharu bagi merealisasikan matlamat pendidikan Bahasa Melayu yang menuntut agar pengajaran bahasa bukan sahaja bertujuan untuk mencurahkan pengetahuan bahasa sebanyak mungkin kepada pelajar, tetapi juga berperanan untuk menyediakan pelajar dengan satu kemahiran yang boleh membantu mereka menjalani kehidupan yang lebih sempurna.

Bagi pihak guru, kajian ini diharap dapat membantu mereka mengaplikasikan pendekatan pengajaran Bahasa Melayu secara bersepadu dalam konteks yang sebenar. Pengalaman guru dan pelajar sebagai peserta kajian ini diharap dapat menambah pengetahuan mereka tentang pengajaran bahasa yang lebih bermakna.

Bagi pihak pelajar pula, pengalaman mereka mengikuti aktiviti pembelajaran yang dirancang dalam modul ini diharap dapat membuka minda mereka bahawa proses pembelajaran bahasa bukanlah sesuatu yang membosankan. Adalah diharapkan bahawa selain menguasai pengetahuan bahasa, pelajar juga boleh menguasai kemahiran berbahasa dalam konteks yang lebih bermakna dan fungsi yang tepat.

Modul ini juga diharap dapat membantu pihak sekolah merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa dengan lebih menarik. Dalam konteks ini, Panitia Bahasa Melayu dan Guru Kanan Bahasa boleh memainkan peranan penting menjayakan hasrat ini, sementelahan pula mereka terbabit secara langsung dalam kajian ini.

Kajian ini juga Kajian ini juga diharap dapat membantu Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi dan penggubal kurikulum dalam merancang dan menyusun kursus yang sesuai dengan tuntutan kurikulum bersepadu, sama ada bagi kursus dalam perkhidmatan atau kursus-kursus pedagogi Bahasa Melayu khususnya, dan kursus Bahasa Melayu amnya.

Modul ini juga diharap dapat membantu guru Bahasa Melayu melaksanakan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi membentuk perkembangan diri pelajar secara menyeluruh dan seimbang. Adalah diharapkan, melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa yang disusun dalam modul ini dapat membantu tercapainya matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Akhirnya, kajian ini diharapkan dapat memberi peluang kepada pelajar untuk mengalami pembelajaran Bahasa Melayu secara natural yang bukan sahaja memberi penekanan kepada aspek fizikal dan kognitif, tetapi juga aspek emosi, rohani.

Batasan Kajian

Kajian ini hanya membangun dan menguji kebolehlaksanaan, kebolegunaan dan kesesuaian modul pengajaran Bahasa Melayu secara bersepadu dalam kumpulan kecil dan tiga buah kelas sahaja dan tidak melibatkan penggunaan modul pengajaran dalam konteks yang besar. Keseluruhan penilaian lapangan dijalankan selama 12 bulan sahaja dan hanya melibatkan sekolah menengah kebangsaan. Oleh sebab pemilihan peserta kajian tidak menyeluruh, maka dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan di seluruh negara. Kajian ini juga menggunakan tenaga guru yang sebenar sebagai fasilitator kajian ini. Oleh itu, kejayaan model ini juga bergantung kepada kemampuan guru memahami dan melaksanakan modul ini.

Proses reka bentuk pengajaran Morrison et al. (2007) yang digunakan hanya mencakupi tahap perancangan (analisis keperluan dan reka bentuk) dan tahap penilaian formatif (penilaian pakar, penilaian satu dengan satu, penilaian kumpulan kecil dan penilaian lapangan) sahaja. Penilaian sumatif dan pengesahan tidak dilaksanakan kerana mengambil masa yang lama.

Definisi Istilah Utama

Bahagian ini menjelaskan beberapa konsep yang kerap digunakan dalam kajian ini.

Pembangunan Modul

Pembangunan modul bermaksud proses membangunkan sembilan modul pengajaran Bahasa Melayu berdasarkan pendekatan bersepadu. Pembangunan modul ini bersandarkan kerangka Kajian Reka bentuk dan Pembangunan Richey dan Klien (2007) dan Morrison, Ross, dan Kemp (2007). Proses pembangunan modul ini melibatkan tiga fasa, iaitu fasa analisis keperluan, reka bentuk dan pembinaan, dan pelaksanaan dan penilaian. Proses pembinaan modul pula melibatkan sembilan langkah.

Pembinaan Modul

Pembinaan modul bermaksud proses membina modul yang dilaksanakan dalam fasa dua kajian, iaitu fasa reka bentuk dan pembinaan. Proses pembinaan modul ini melibatkan melibatkan tujuh proses, iaitu (1) menganalisis tugas atau kandungan (memilih isi kandungan), (2) menentukan objektif pengajaran, (3) mereka bentuk urutan pengajaran (*sequencing*), (4) mereka bentuk strategi pengajaran, (5) mereka bentuk mesej pengajaran, (6) membina bahan pembelajaran dan merancang kaedah penyampaian pengajaran, dan (7) membina instrumen penilaian pengajaran (Morrison et al., 2007).

Modul Pengajaran Bahasa Melayu

Modul pengajaran Bahasa Melayu merupakan preskripsi lengkap tentang perkara yang dilakukan oleh pelajar dan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan juga tugas yang perlu dilaksanakan pelajar semasa menggunakan modul ini.

Modul Pengajaran Bahasa Melayu secara Bersepadu

Dalam kajian ini modul pengajaran Bahasa Melayu secara bersepadu merangkumi sembilan set unit pelajaran Bahasa Melayu tahap Tingkatan Empat. Modul ini dibangunkan berlandaskan pendekatan bersepadu Bahasa Melayu, dan dijalankan berdasarkan lapan strategi pengajaran Bahasa Melayu hasil gabungan daripada konsep pendekatan pengajaran Bahasa Melayu bersepadu, pendekatan pengajaran bahasa secara menyeluruh dan prinsip pendidikan holistik. Proses pembangunan modul ini melibatkan tiga fasa utama, iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembinaan, dan fasa pelaksanaan dan penilaian formatif.

Secara Bersepadu

Secara bersepadu merujuk kepada pendekatan pengajaran Bahasa Melayu yang bersepadu yang didasarkan daripada gabungan pendekatan bahasa secara menyeluruh, pendekatan integral atau pendidikan holistik, dan gagasan pendekatan bersepadu Bahasa Melayu yang merangkumi lapan strategi utama, iaitu (1) pengajaran Bahasa Melayu secara kontekstual dan natural, (2) pengajaran Bahasa Melayu secara bertema, (3) pengajaran Bahasa Melayu secara seimbang antara pengetahuan bahasa dan kecekapan bahasa dan antara hasil dan proses, (4) pengajaran Bahasa Melayu yang memupuk semua potensi diri, (5) pengajaran Bahasa Melayu yang menyediakan jalinan hubungan antara (i) pelajar dengan diri sendiri, (ii) pelajar dengan rakan sebayanya, dan (iii) pelajar dengan persekitarannya, (6) pengajaran Bahasa Melayu secara tranformatif dan berpusatkan pelajar, (7) penggunaan bahan pembelajaran yang autentik, dan (8) penilaian autentik.

Kesesuaian Modul

Dalam kajian ini kesesuaian modul bermaksud kesesuaian modul daripada aspek yang berikut, iaitu (1) ketepatan kandungan menepati kehendak sukatan, (2) ketepatan

reka bentuk, (3) ketepatan kaedah yang digunakan, (4) penggunaan masa yang sesuai, (5) kesesuaian aktiviti pembelajaran dan pengajaran yang digunakan, (6) kesesuaian pemilihan bahan bantu mengajar yang dipilih, dan (7) kemampuan pelajar mengikuti modul pengajaran yang dibina (Fadzilah Amzah, 2007). Kesesuaian aspek (1), (2), dan (3) dinilai oleh pakar yang dilantik, manakala kesesuaian aspek (3) hingga (7) dinilai oleh guru dan pelajar.

Penilaian Modul

Penilaian modul melibatkan proses penilaian formatif. Tujuannya adalah untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan modul di samping meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam kajian ini keempat-empat jenis penilaian formatif digunakan, iaitu (1) penilaian pakar, (2) penilaian satu dengan satu, (3) penilaian kumpulan kecil, dan (4) penilaian lapangan.

Kejelasan Modul

Dalam kajian ini, kejelasan modul bermaksud kejelasan arahan pembelajaran, maklumat, dan bahan pembelajaran.

Kebolehlaksanaan Modul

Dalam kajian ini kebolehlaksanaan modul bermaksud (1) kesesuaian bahan dan aktiviti pembelajaran bagi mencapai objektif pelajaran, (2) kesesuaian urutan atau susunan aktiviti pembelajaran dengan dengan objektif pelajaran, (3) kebolehlaksanaan aktiviti yang dirancang dalam waktu yang ditetapkan, dan (4) kebolehlaksanaan aktiviti yang dirancang berdasarkan kemampuan pelajar.

Impak Modul terhadap Pelajar

Impak merujuk kepada kerelevanan atau kesesuaian bahan yang digunakan berdasarkan situasi semasa, dan kemampuan bahan tersebut mencabar pengetahuan, menarik minat dan mengekalkan '*mood*' pelajar.

Bahan Pembelajaran Autentik

Dalam kajian ini, bahan pembelajaran yang autentik bermaksud bahan tersebut mengandungi kandungan pelajaran yang realistik, dan bersifat reflektif terhadap dunia nyata, dan dipetik dari sumber yang sebenar seperti akhbar, sedutan berita dan sebagainya.

Penilaian Autentik

Penilaian autentik menekankan kepada proses penilaian yang menekankan kepada proses dan bukannya hasil semata-mata. Penilaian bahasa secara autentik memberi penekanan kepada kemahiran bahasa secara komunikatif dan menjana penggunaan bahasa dalam konteks berbahasa yang betul.

Rumusan

Kajian ini melibatkan pembinaan modul pengajaran Bahasa Melayu yang berlandaskan kepada lapan strategi utama pendekatan bersepadu yang didasarkan daripada empat pendekatan utama pengajaran bahasa, iaitu pendekatan bahasa menyeluruh, pendekatan pengajaran bahasa secara integrasi, dan pendidikan holistik. Kelapan-lapan strategi ini diterapkan dalam modul pengajaran Bahasa Melayu Tingkatan Empat.